

Motif Utama Guru Melanjutkan Pelajaran dan Tahap Motivasi Terhadap Program Pengajian

¹MAZANAH MUHAMAD & ²ADANAN MAT JUNOH

¹*Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM,
Serdang, Selangor, Malaysia*

²*Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia
81300 Skudai, Johor, Malaysia*

Kata kunci: Motif, motivasi, pendidikan dewasa, pembelajaran dewasa

ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti motif utama guru melanjutkan pelajaran melalui program pengajian jarak jauh di Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL), Universiti Putra Malaysia dan menentukan tahap motivasi mereka terhadap program tersebut. Seramai 360 guru daripada empat pusat pembelajaran IDEAL telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Data telah dikumpul melalui satu instrumen yang dibina khusus bagi kajian ini berdasarkan 'Educational Participation Scale' (EPS) yang dibangunkan oleh Boshier (1973). Sebanyak 272 borang soal selidik yang lengkap dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Kajian ini mendapati tujuh motif utama guru melanjutkan pelajaran adalah (i) pembangunan profesional; (ii) minat kognitif; (iii) kebajikan sosial; (iv) matlamat peribadi; (v) aktiviti pembelajaran; (vi) jangkaan luaran, dan (vii) perhubungan sosial. Tahap motivasi guru terhadap program pengajian adalah tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap motivasi di antara guru berlainan bangsa, semester pengajian, program pengajian dan lokasi sekolah.

ABSTRACT

The study sought to identify teachers' primary motives for pursuing education through a distance learning programme at the Institute for Distance Education and Learning (IDEAL) Universiti Putra Malaysia, and to determine their motivation level towards that programme. A sample of 360 teachers from four IDEAL learning centers was randomly selected for the purpose. Data was collected by using a survey instrument specifically developed for the study by drawing upon Boshier's (1973) Educational Participation Scale. A total of 272 completed questionnaires was analyzed by using the SPSS programme. The study identified seven primary motives for teachers pursuing higher education namely (i) professional advancement; (ii) cognitive interest; (iii) social welfare; (iv) personal goal; (v) learning activities; (vi) external expectation, and (vii) social relationship. The teachers reported high motivation level towards the learning programme. There is significant difference in motivation level among teachers of different race, semester, programme of study and school location.

PENGENALAN

Pengakhiran abad ke-20 menyaksikan berlaku beberapa perubahan dalam senario pendidikan di negara ini sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Fenomena yang paling ketara adalah pertambahan bilangan pelajar dewasa terutamanya daripada golongan guru yang melanjutkan pelajaran di institusi

pengajian tinggi. Rohana (1998) melaporkan bahawa 80% daripada 3800 pelajar yang mendaftar untuk mengikuti program pendidikan jarak jauh di Universiti Kebangsaan Malaysia pada sesi pengajian tahun 1998/99 adalah golongan guru. Perkembangan ini menunjukkan aktiviti pendidikan dan pembelajaran dewasa semakin mendapat sambutan di negara ini.

Rogers (1993) mengatakan pendidikan merupakan semua bentuk perancangan pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk menolong seseorang mempelajari sesuatu. Darkenwald dan Merriam (1982) melihat pendidikan sebagai satu proses yang disengajakan, sistematik dan berterusan dalam usaha mendapatkan pengetahuan, sikap, dan kemahiran baru. Pendidikan dan pembelajaran merupakan dua konsep yang berbeza, walaupun kedua-dua istilah tersebut tidak mempunyai sempadan pemisah yang jelas. Secara umumnya pembelajaran menghasilkan perubahan tingkah laku dalam bentuk sikap, pengetahuan dan kemahiran (Merriam dan Caffarella 1999).

Proses pendidikan dan pembelajaran tidak terhad kepada kanak-kanak dan berlaku di peringkat persekolahan sahaja. Proses ini menjangkau jauh daripada itu dengan melibatkan pelajar dewasa di luar sistem persekolahan. Pendidikan dewasa boleh berlaku secara formal atau bukan formal. Rogers (1993) memberikan takrifan pendidikan dewasa yang agak meluas seperti berikut:

Semua peluang yang dirancang dan mempunyai tujuan tertentu yang disediakan kepada individu yang diiktiraf dan mengiktiraf diri mereka sebagai golongan dewasa dalam sesebuah masyarakat di mana golongan ini telah meninggalkan sistem pendidikan formal. Peluang pembelajaran sama ada secara formal atau tidak dalam konteks ini seharusnya menyediakan panduan kepada golongan dewasa dalam membuat keputusan, menggunakan meto-dologi dan pendekatan yang bersesuaian dengan pengalaman orang dewasa bagi mencapai tujuan dan keperluan mereka. (ms. 28 - 29)

Proses pendidikan dan pembelajaran berkait rapat dengan motivasi. Menurut Abdul Rahman (1997), motivasi adalah perlu dalam menuntut ilmu atau proses pembelajaran. Pendapat yang sama disuarakan oleh Wladkowski (1993) yang telah mengkaji tentang peranan motivasi dalam membantu orang dewasa belajar dengan lebih berkesan. Dua komponen utama motivasi adalah dorongan dan tindakan.

Beberapa kajian tempatan telah dijalankan untuk mengenal pasti motif utama yang mendorong penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan. Walau bagaimanapun, belum ada kajian khusus untuk mengenal pasti motif utama guru melanjutkan pelajaran. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal

pasti motif guru melanjutkan pelajaran melalui program pengajian jarak jauh di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti tahap motivasi guru terhadap program pengajian yang diikuti. Melalui program pengajian jarak jauh, guru-guru dikehendaki menghadiri perjumpaan bersemuka dengan pensyarah di IDEAL pada setiap bulan di samping menghadiri sesi tutorial di pusat pembelajaran yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Motif Penyertaan Pelajar Dewasa dalam Aktiviti Pendidikan

Merriam dan Caffarella (1999) telah mengulas secara komprehensif tentang kajian motif penyertaan pelajar dewasa. Mengikuti mereka, kajian empirikal bagi tujuan tersebut telah dimulakan oleh Houle pada tahun 1961. Berasaskan temu bual dengan 22 pelajar dewasa di Universiti Chicago, Houle membahagikan pelajar dewasa kepada tiga kategori berdasarkan motif penyertaan iaitu (i) berorientasikan matlamat; (ii) berorientasikan aktiviti; dan (iii) berorientasikan pembelajaran. Menurut Merriam dan Caffarella (1999) lagi, dapatan Houle telah dijadikan asas oleh penyelidik lain untuk mengenal pasti motif penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan. Antaranya adalah Sheffield (1964) yang membina *Continuing Learning Orientation Index (CLIO)* dan Boshier (1971) yang membina *Educational Participation Scale (EPS)*. Morstain dan Smart (1974) adalah antara penyelidik paling awal menggunakan EPS. Dalam kajian tersebut mereka mendapati enam motif penyertaan pelajar dewasa adalah (i) perhubungan sosial; (ii) jangkauan luaran; (iii) kebajikan sosial; (iv) pembangunan profesional; (v) pengelakan dan rangsangan; dan (vi) minat kognitif (dalam Merriam dan Caffarella 1999). Boshier mendapati motif penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan adalah untuk (i) mempertingkatkan komunikasi iaitu untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan; (ii) perhubungan sosial iaitu memenuhi keperluan penyertaan individu dalam kumpulan; (iii) persediaan pendidikan iaitu persediaan awal bagi menyertai aktiviti pendidikan seterusnya; (iv) bersama keluarga iaitu bagi mempertingkatkan perhubungan dalam keluarga; (v) pembangunan profesional iaitu mendapatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mempertingkatkan keberkesanan individu dan organisasi; (vi) minat kognitif iaitu untuk

mendapatkan ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang; dan (vii) rangsangan sosial iaitu untuk memenuhi desakan dan pengharapan daripada orang lain seperti ahli keluarga dan rakan sejawat (dalam Merriam dan Caffarella 1999).

Livneh dan Livneh (1999) dalam kajiannya yang melibatkan 500 pendidik dari kawasan metropolitan Portland mendapati komitmen terhadap pembelajaran profesional dan motivasi luaran merupakan peramal utama penyertaan dalam aktiviti pembelajaran. Manakala Carre (2000) dalam kajiannya di Perancis mendapati motif penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan adalah bagi memperoleh kecekapan, mengenal diri sendiri dan bagi pembentukan projek.

Di Malaysia, kajian untuk mengenal pasti motif penyertaan orang dewasa dalam aktiviti pendidikan telah dijalankan oleh Arshad (1993) dan Mohd Halimi (1996). Arshad (1993) telah mengenal pasti sepuluh motif penyertaan kakitangan kerajaan dalam satu program latihan dalam khidmat di Malaysia iaitu; pembangunan profesional, minat kognitif, minat intelektual, matlamat peribadi, kebajikan sosial, arahan majikan, pengeluaran dan perangsangan, dan jangkaan luaran. Mohd Halimi (1996) pula mendapati motif utama orang dewasa mengikuti program pengajian di Institut Pengajian Ilmu Islam adalah minat kognitif dan intelektual, aktiviti pembelajaran, tanggungjawab sosial, kebajikan sosial, perhubungan sosial, pembangunan profesional, relaksasi sosial, peluang pembelajaran, relaksasi kerja, serta pengeluaran dan perangsangan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif. Data telah dikutip dengan menggunakan satu set instrumen yang dibina khusus bagi penyelidikan ini. Secara umumnya, instrumen kajian ini adalah berasaskan *Educational Participation Scale* (EPS) yang dibangunkan oleh Boshier (1973) dan diubahsuai oleh Arshad (1993). Bagi memastikan instrumen kajian adalah bersesuaian dengan konteks kajian, fasa awal pembinaan instrumen melibatkan temu bual secara mendalam dengan enam informan. Fasa awal diikuti dengan fasa prauji yang melibatkan dua belas guru dalam populasi kajian. Secara keseluruhannya, instrumen kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi 40


item atau pernyataan yang diikuti dengan tujuh skala berdasarkan Skala Likert yang merupakan pernyataan-pernyataan untuk mengenal pasti motif guru melanjutkan pelajaran. Pecahan item mengikut motif penyertaan adalah seperti yang terpapar di Jadual 1.

JADUAL 1
Pecahan item mengikut motif utama

Motif utama	Bilangan item
Pembangunan profesional	7
Minat kognitif	5
Perhubungan sosial	6
Kebajikan sosial	4
Matlamat peribadi	7
Jangkaan luaran	4
Aktiviti pembelajaran	7
Jumlah	40

Bahagian kedua instrumen terdiri daripada 10 pernyataan khusus untuk mengenal pasti tahap motivasi guru. Setiap pernyataan disertai dengan tujuh pilihan jawapan berdasarkan skala Likert. Ujian reliabiliti dijalankan ke atas bahagian I dan II instrumen. Nilai pekali reliabiliti (alpha) yang didapati adalah 0.9365 untuk bahagian I dan 0.8045 untuk bahagian II. Bahagian III instrumen pula dikhususkan untuk mengumpul maklumat sosiodemografi responden. Ketiga-tiga bahagian instrumen ini dibina bagi disesuaikan dengan keperluan kajian berdasarkan kerangka konsep kajian seperti pada *Rajah 1*.

Populasi kajian terdiri daripada 3839 guru yang sedang melanjutkan pelajaran di IDEAL. Dari jumlah tersebut, 360 orang telah dipilih secara rawak sebagai responden berdasarkan jadual bilangan responden Krejcie dan Morgan (1970). Borang soal selidik telah diedarkan sendiri oleh penyelidik, penyelaras dan tutor di empat pusat pembelajaran IDEAL iaitu di Kota Bharu, Kulim, Muar dan Serdang. Empat pusat ini dipilih bagi mewakili Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Walaupun sejumlah 360 borang soal selidik diedarkan, hanya 272 (75.6%) didapati lengkap untuk dianalisis bagi kajian ini. Data kajian diproses dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS). Antara kaedah statistik yang digunakan adalah statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai, peratus, minimum dan maksimum. Analisis varians



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian

(ANOVA) dan ujian t pula digunakan untuk menentukan sama ada perbezaan signifikan di antara tahap motivasi dengan pemboleh ubah sosiodemografi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri Sosiodemografi

Temuan kajian menunjukkan bilangan guru lelaki yang melanjutkan pelajaran di IDEAL adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan. Dapatan ini menyokong pendapat Rogers (1986) yang mengatakan bahawa kebanyakan kajian mendapati lelaki merupakan golongan dewasa yang paling ramai menyertai aktiviti pendidikan. Guru Melayu pula merupakan golongan responden yang paling tinggi (73.2%). Keputusan ini menunjukkan bangsa yang menjadi penduduk majoriti dalam sesebuah negara merupakan golongan yang paling tinggi terlibat dalam aktiviti pendidikan dewasa. Keadaan ini sama seperti di Amerika Syarikat golongan lelaki berkulit putih merupakan yang paling ramai menyertai aktiviti pendidikan dewasa (Rogers 1986). Sebahagian besar responden (71.0%) berumur di antara 31 – 40 tahun. Dapatan ini adalah konsisten dengan temuan Henry dan Basile (1994) dan Johnstone dan Rivera (1965).

Sebahagian besar responden mempunyai kelayakan akademik STPM kerana kelayakan

minimum untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama adalah pada peringkat tersebut. Bilangan responden sekolah di luar bandar adalah lebih tinggi daripada responden sekolah di bandar. Kajian juga mendapati bilangan guru sekolah rendah adalah lebih tinggi daripada sekolah menengah. Keadaan ini mungkin berlaku kerana kebanyakan guru bukan siswazah berkhidmat di sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Majoriti responden (71.1%) mempunyai pendapatan bulanan di antara RM1001 hingga RM1500, dengan tempoh perkhidmatan di antara 6 hingga 10 tahun (35.3%). Dapatan ini adalah konsisten dengan temuan Mohd Halimi (1996). Kebanyakan responden (84.2%) telah berumah tangga. Jadual 2 memberikan ringkasan taburan sosiodemografi responden.

Motif Utama Guru Melanjutkan Pelajaran

Terdapat tujuh motif utama guru melanjutkan pelajaran di IDEAL. Motif tersebut adalah (i) pembangunan profesional; (ii) minat kognitif; (iii) kebajikan sosial; (iv) matlamat peribadi; (v) aktiviti pembelajaran; (vi) jangkaan luaran; dan (vii) perhubungan sosial. Kedudukan setiap motif disusun berdasarkan nilai min item yang diperoleh. Tiga motif yang paling utama adalah pembangunan profesional, minat kognitif dan kebajikan sosial seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 2
Taburan responden berdasarkan ciri sosiodemografi

Ciri sosiodemografi	Frekuensi	%
Jantina		
Lelaki	147	54.0
Perempuan	125	46.0
Bangsa		
Melayu	199	73.2
Cina	39	14.3
India	33	12.1
Lain-lain	1	0.4
Umur (tahun)		
21 - 25	9	3.3
26 - 30	32	11.8
31 - 35	112	41.2
36 - 40	81	29.8
41 - 45	30	11.0
46 - 50	8	2.9
Kelayakan akademik		
STPM	199	73.2
SPM	60	22.1
Diploma	13	4.7
Lokasi sekolah		
Di luar bandar	154	56.6
Di bandar	118	43.4
Kategori sekolah		
Sekolah rendah	191	70.2
Sekolah menengah	81	29.8
Pendapatan		
RM500 - RM1000	28	10.3
RM1001 - RM1500	193	71.1
RM1501 - RM2000	42	15.4
RM2001 - RM2500	9	3.3
Tempoh perkhidmatan		
1 - 5 tahun	37	13.6
6 - 10 tahun	96	35.3
11 - 15 tahun	71	26.1
16 - 20 tahun	51	18.8
21 - 25 tahun	17	6.3
Status perkahwinan		
Berkahwin	229	84.2
Bujang	41	15.1
Duda/janda	2	0.7

JADUAL 3
Kedudukan motif utama

Motif utama	Min item	Kedudukan
Pembangunan profesional	5.882	1
Minat kognitif	5.557	2
Kebajikan sosial	5.356	3
Matlamat peribadi	5.171	4
Aktiviti pembelajaran	5.170	5
Jangkaan luaran	4.678	6
Perhubungan sosial	4.224	7

- i. **Pembangunan Profesional**
Motif ini menunjukkan tujuan guru melanjutkan pelajaran adalah bagi menyediakan diri dengan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk mempertingkatkan prestasi kerja supaya dapat menyediakan perkhidmatan pendidikan yang bermutu kepada pelajar.
- ii. **Minat Kognitif**
Motif ini menunjukkan tujuan guru melanjutkan pelajaran adalah bagi mendapat dan mendalami ilmu pengetahuan.
- iii. **Kebajikan Sosial**
Motif ini menunjukkan tujuan guru melanjutkan pelajaran adalah bagi menyediakan diri dengan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperlukan untuk membantu dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Dapatan ini adalah konsisten dengan temuan Arshad (1993). Walau bagaimanapun, dapatan ini agak berbeza dengan temuan Mohd Halimi (1996). Mohd Halimi mendapati faktor pembangunan profesional berada pada kedudukan keenam.

Tahap Motivasi Guru Terhadap Program Pengajian

Bagi menentukan tahap motivasi guru terhadap program pengajian di IDEAL, pengukuran bergantung kepada skor yang diperoleh iaitu di antara 10 hingga 70 dalam instrumen yang mengukur motivasi. Nilai skor dibahagikan kepada tiga julat iaitu; pertama di antara 10 hingga 29, kedua 30 hingga 49, dan ketiga 50 hingga 70. Berdasarkan julat skor tersebut, penentuan tahap motivasi adalah mengikut kriteria seperti berikut:

1. Bermotivasi rendah jika skor diperoleh di antara 10 – 29.
2. Bermotivasi sederhana jika skor diperoleh di antara 30 – 49.
3. Bermotivasi tinggi jika skor diperoleh di antara 50 – 70.

Berdasarkan kepada kriteria yang dinyatakan di atas, majoriti guru (89.7%) adalah bermotivasi tinggi terhadap program pengajian dan tidak terdapat guru yang dikategorikan sebagai bermotivasi rendah (sila lihat Jadual 4). Dapatan ini adalah konsisten dengan temuan Mohd Halimi (1996) dan Arshad (1993).

JADUAL 4
Taburan responden mengikut tahap motivasi terhadap program pengajian

Tahap motivasi	Frekuensi	%
Bermotivasi tinggi	244	89.7
Bermotivasi sederhana	28	10.3
Bermotivasi rendah	0	0.0

min = 58.16 skor minimum = 33
sisihan piawai = 6.77 skor maksimum = 70

Perbezaan Tahap Motivasi Mengikut Ciri Sosiodemografi

Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian t bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap motivasi di kalangan guru berdasarkan perbezaan jantina, lokasi sekolah dan kategori sekolah. Berdasarkan ujian t tersebut, didapati hanya faktor lokasi sekolah sahaja yang menunjukkan perbezaan tahap motivasi terhadap program pengajian yang signifikan. Manakala jantina dan kategori sekolah tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan.

JADUAL 5
Keputusan ujian t di antara tahap motivasi dengan pembolehubah sosiodemografi

Ciri sosiodemografi	Nilai t	Catatan
Jantina	.305	TS
Lokasi sekolah	.013	S
Kategori sekolah	.303	TS

S= signifikan pada 0.05
TS= tak signifikan pada 0.05

Jadual 6 menunjukkan keputusan bagi analisis varian. Analisis mendapati tiga ciri sosio demografi yang menunjukkan perbezaan tahap motivasi yang signifikan terhadap program pengajian adalah bangsa, semester pengajian dan program pengajian.

Jadual 7 memaparkan kedudukan terperinci perbezaan tahap motivasi bagi ciri sosiodemografi yang menunjukkan perbezaan signifikan berdasarkan min skor. Berdasarkan bangsa, guru berbangsa Melayu mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding guru daripada kaum India, Cina dan bangsa lain. Bagi pemboleh ubah semester pengajian, responden dalam semester I pengajian didapati mempunyai

JADUAL 6
Keputusan analisis varians di antara tahap motivasi dengan pemboleh ubah sosiodemografi

Ciri sosiodemografi	Fratio	Fprob	Catatan
Bangsa	4.0501	.007	S
Umur	1.5188	.1841	TS
Pendapatan	1.6761	.1725	TS
Tempoh perkhidmatan	1.1968	.3125	TS
Semester pengajian	5.1486	.0064	S
Status perkahwinan	.1840	.8314	TS
Program pengajian	10.8736	.0000	S
Kelayakan akademik	2.1334	.1204	TS

S = Signifikan pada 0.5

TS = Tak signifikan pada 0.05

JADUAL 7
Min skor tahap motivasi mengikut ciri demografi

Ciri Demografi	Min Skor	Kedudukan
Bangsa		
Melayu	58.95	1
Cina	57.05	2
Lain-lain	56.00	3
India	54.88	4
Semester pengajian		
Semester I	59.33	1
Semester V	58.72	2
Semester III	56.23	3
Program pengajian		
PBMP	60.55	1
B & K	57.48	2
TESL	56.07	3
Lokasi sekolah		
Luar bandar	59.06	1
Bandar	57.01	2

PBMP = Program Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama

B&K = Bimbingan dan Kaunseling

TESL = Program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua

tahap motivasi yang paling tinggi iaitu berada pada kedudukan pertama. Guru dalam program Pengajian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama (PBMP) mempunyai tahap motivasi yang paling tinggi berbanding guru dalam Program Bimbingan dan Kaunseling (B&K) dan program Pengajian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Guru yang sedang berkhidmat di sekolah luar bandar mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding guru di sekolah-sekolah di bandar.

KESIMPULAN

Berdasarkan temuan, maka beberapa kesimpulan seperti berikut boleh dibuat daripada kajian ini:

1. Motif utama guru melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama dalam program pengajian pendidikan di IDEAL, UPM adalah; (i) pembangunan profesional, (ii) minat kognitif, (iii) kebajikan sosial, (iv) matlamat peribadi, (v) aktiviti pembelajaran, (vi) jangkaan luaran, dan (vii) perhubungan sosial.
2. Tahap motivasi guru terhadap program pengajian di IDEAL adalah tinggi.
3. Empat ciri sosiodemografi guru yang menunjukkan perbezaan tahap motivasi yang signifikan terhadap program pengajian adalah bangsa, semester pengajian, program pengajian dan lokasi sekolah. Guru Melayu

mempunyai tahap motivasi yang paling tinggi berbanding guru bangsa lain. Guru dalam semester I pengajian mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding guru dalam semester III dan V pengajian. Guru dalam program PBMP adalah lebih bermotivasi berbanding guru dalam program B&K dan TESL. Manakala guru daripada sekolah luar bandar didapati lebih bermotivasi berbanding guru sekolah dalam bandar.

4. Kebanyakan guru yang melanjutkan pelajaran di IDEAL adalah lelaki, berbangsa Melayu, berumur di antara 26 hingga 35 tahun, mempunyai tempoh perkhidmatan di antara 6 hingga 15 tahun dan sudah berumah tangga. Majoriti daripada mereka mempunyai kelayakan akademik STPM dan berpendapatan bulanan di antara RM1000 hingga RM1500.

IMPLIKASI

Guru yang melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama secara jarak jauh di IDEAL mempunyai beberapa motif utama. Sehubungan dengan itu, pembekal pendidikan lanjutan seperti IDEAL perlu memahami dan mengenal pasti motif-motif tersebut supaya mereka dapat menyediakan satu program pengajian yang bersesuaian. Oleh kerana guru didapati mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap program pengajian, maka institusi pengajian harus berusaha untuk mengekalkan motivasi pelajar sepanjang tempoh pengajian. Kedua-dua guru daripada sekolah bandar dan luar bandar didapati melanjutkan pelajaran secara jarak jauh. Bagi memenuhi keperluan semua, pusat pembelajaran jarak jauh perlu diperbanyakkan di kedua-dua tempat.

Kajian mendapati motif paling utama guru melanjutkan pelajaran adalah untuk pembangunan profesional, iaitu untuk mempertingkatkan prestasi kerja supaya dapat memberi perkhidmatan pendidikan yang lebih berkesan kepada pelajar. Dalam usaha mempertingkatkan mutu pendidikan negara, Kementerian Pelajaran perlu menggalakkan dan memberi peluang supaya lebih ramai guru dapat melanjutkan pelajaran mereka. Dari aspek metodologi, kajian ini mendapati Educational Participation Scale (EPS) yang dibina oleh Boshier (1973) merupakan satu instrumen yang baik untuk dirujuk bagi mengenal pasti motif

penyertaan pembelajaran. Walau bagaimanapun, instrumen tersebut perlu diadaptasi dan disesuaikan dengan konteks kajian.

RUJUKAN

- ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ. 1997. *Motivasi dan Pembangunan Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- ARSHAD HASHIM. 1993. Correlates of public employees' motivational orientations and motivation towards in service training in Malaysia. Disertasi Ph.D, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- BOSHIER, R.W. 1971. Motivational orientation of adult education participants: a factor analytic exploration of Houles typology. *Adult Education* 21(2): 3-26.
- BOSHIER, R.W. 1973. Educational participation and dropout: a theoretical model. *Adult Education* 23(4): 255-282.
- CARRE, P. 2000. Motivation in adult education: From engagement to performance. In *Proceedings of Adult Education Research Conference*. <http://www.edst.educ.ubc.ca/aerc/2000/carrep1-web.htm> 17/9/04
- DARKENWALD, G.G. dan S.B. MERRIAM. 1982. *Adult Education: Foundation of Practices*. New York: Harper and Row.
- HOULE, C. O. 1961. *The Inquiry Mind*. Medison: University of Wisconsin Press.
- HENRY, G.T. dan K.C. BASILE. 1994. Understanding the decision to participate in formal adult education. *Adult Education Quarterly* 44(2): 64-82.
- JOHNSTONE, J.W.C. dan R.J. RIVERA. 1965. *Volunteers for Learning: A Study of the Educational Pursuit of American Adults*. Chicago: Adline.
- KREJCIE, R.V. dan D.W. MORGAN. 1970. Determining size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607 - 610.
- LIVNEH, C. dan H. LIVNEH. 1999. Continuing professional education among educators: predictors of participation in learning activities. *Adult Education Quarterly* 49(2): 91-107.
- MERRIAM, S.B. dan R.S. CAFFARELLA. 1999. *Learning in Adulthood. A Comprehensive Guide*. 2nd ed. San Francisco: Jossey-Bass.

- MOHD HALIMI ABDUL HAMID. 1996. Adult learners' motivational orientations and motivation towards programme of the Institute for the Studies in Islamic Science. Thesis Master, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- MORSTAIN, B.R. dan J.C. SMART. 1974. Reason for participation in adult education courses: a multivariate analysis of group differences. *Adult Education* 14(2): 83-98.
- ROHANA MAN. 1998. PJJ: Guru paling ramai. *Utusan Malaysia* 16 Julai, Kuala Lumpur.
- ROGERS, A. 1986. *Teaching Adults*. Milton Keynes: Open University Press.
- ROGERS, A. 1993. *Adult Learning for Development*. London: Cassell Educational Limited.
- WLODKOWSKI, R.J. 1993. *Enhancing Adult Motivation to Learn: A Guide to Improving Instruction and Increasing Learner Achievement*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

(Diterima: 22 Februari 1999)